

21/10/2001

Pengiktirafan terhadap belia

TASEK GELUGOR: Peruntukan Belanjawan 2002 berjumlah RM81.8 juta untuk membiayai pelbagai kegiatan Program Rakan Muda dianggap pengiktirafan kerajaan kepada belia negara ini.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata program yang kini dijadikan agenda nasional meliputi golongan itu yang juga 40 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Menurutnya, langkah utama yang perlu diberi perhatian adalah untuk memastikan setiap peruntukan digunakan dan disalurkan untuk kegiatan positif dan sampai ke akar umbi.

"Rakan Muda bukan saja memerlukan pembabitan tenaga kerja peringkat kementerian, malah sukarelawan diperlukan untuk bekerjasama merealisasikan matlamat program untuk menangani masalah remaja di peringkat daerah," katanya selepas merasmikan bilik gerakan Gerak 10 serta melancarkan Tabung Ehsan Pelarian Afghanistan anjuran Pergerakan Pemuda Umno bahagian Tasek Gelugor, di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, 200 persatuan belia di seluruh negara yang dikenal pasti tidak aktif akan turut diketengahkan untuk mengubah keadaan mereka untuk manfaat golongan berkenaan.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan program Rakan Muda akan diberi diubah suai dengan pengisian baru membabitkan 3.5 juta belia.

Menurut Dr Mahathir, 35,250 aktiviti di peringkat nasional, negeri dan daerah diatur untuk program itu, selain program Khidmat Sosial Negara membabitkan 200,000 remaja di kalangan pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

(END)